

# JAWAPAN

Unit  
1

## Pilihan Bermoral Pilihan Saya

### Modul PBD

1. (a) Bertingkah laku baik  
(b) Mematuhi peraturan  
(c) Mematuhi undang-undang  
(d) Mengikut ajaran agama dan kepercayaan  
(e) Bertingkah laku benar dan patut  
(f) Mengutamakan keperluan semua  
(g) Tidak mementingkan diri sendiri  
(h) Mendatangkan kebaikan kepada diri dan orang lain

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

2. • Meningkatkan keyakinan diri  
• Memelihara harga diri  
• Menjamin masa hadapan yang cerah  
• Memupuk perpaduan dan keharmonian  
• Melahirkan sikap hormat-menghormati  
• Meningkatkan hubungan kerjasama

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

3. (a) Saya akan memberitahu guru bertugas tentang kejadian tersebut. Saya juga akan menasihati rakan baik saya supaya tidak melibatkan diri dalam gejala membuli.  
(b) Saya akan memilih bidang yang bersesuaian dengan minat, bakat dan kelulusan saya. Saya akan menjelaskan dengan cara yang baik kepada kedua-dua ibu bapa saya tentang pilihan saya.  
(c) Saya akan memberitahu adik saya dengan berhikmah bahawa saya sudah berjanji dengan rakan-rakan untuk mengulang kaji pada petang Sabtu ini. Saya akan meminta adik saya menyertai pertandingan tersebut dengan rakannya.

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

4. (a) Supaya tidak merugikan diri sendiri  
(b) Supaya dapat menjamin masa depan yang lebih cerah  
(c) Agar tidak menyesal pada kemudian hari  
(d) Mengelakan diri daripada terjebak dalam masalah sosial  
(e) Menjaga hubungan dengan ahli keluarga dan rakan-rakan  
(f) Menjaga nama baik keluarga dan diri sendiri
5. (a) Sedih kerana Kishen seperti mempergunakan saya untuk kepentingan peribadinya. Walau bagaimanapun, saya berasa terhutang budi dengan kebaikan Kishen menumpangkan saya menaiki motosikalnya untuk ke sekolah.  
(b) Menasihati Kishen agar tidak ponteng sekolah dan menyarankan Kishen mengumpul wang belanja sekolah sedikit demi sedikit untuk membayar semula hutang Krishna.  
(c) Menjamin masa depan yang baik.  
(d) Dikenakan tindakan disiplin oleh pihak sekolah, mencemarkan nama baik diri dan keluarga.  
(e) Mengajak ke arah kebaikan, sentiasa menasihati rakan apabila melakukan kesalahan, membantu rakan yang sedang dalam kesusahan.

### Power KBAT

1. Rakan memainkan peranan yang penting dalam hidup seseorang kerana kita lebih banyak meluangkan masa dan meluahkan perasaan kepada rakan berbanding ahli keluarga. Oleh yang demikian, kita hendaklah bijak memilih rakan untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini.
2. Saya akan menolak ajakannya dan memberikan nasihat kepadanya tentang bahaya merokok. Selain itu, saya akan memberitahunya tentang peraturan sekolah yang wajib dipatuhiinya.
3. Akan dikenakan hukuman seperti digantung sekolah, dirotan atau dibuang sekolah.

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

# JAWAPAN

Unit  
2

## Anugerah Alam Ciptaan Tuhan

### Modul PBD

1. (a) Buah-buahan  
(b) Air terjun  
(c) Gua  
(d) Banjaran gunung  
(e) Hutan  
(f) Sungai  
(g) Haiwan  
(h) Tasik
  2. (a) • Meningkatkan ekonomi negara  
• Menggunakan hasil bumi untuk keperluan negara dan pasaran eksport  
(b) • Membekalkan sumber tenaga seperti tenaga solar dan tenaga hidroelektrik  
• Memajukan sektor perindustrian  
(c) • Mengelakkan kepupusan flora dan fauna  
• Mewariskan keindahan alam kepada generasi akan datang  
(d) Kepelbagaiannya flora dan fauna boleh digunakan sebagai sumber makanan dan perubatan tradisional
  3. (a) (i) Badan sihat dan cergas/mendapat vitamin dan mineral yang mencukupi daripada buah-buahan  
(ii) Menikmati kelazatan buah-buahan bersama-sama ahli keluarga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan  
(iii) Jualan buah-buahan memberikan pendapatan kepada penduduk setempat  
(b) (i) Menghirup udara yang segar/memberi ketenangan dan kegembiraan apabila menikmati keindahan alam  
(ii) Beriadah bersama-sama ahli keluarga di tepi pantai dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan  
(iii) Memberi rezeki kepada masyarakat yang tinggal di tepi pantai seperti nelayan, membuka restoran makanan laut  
(c) (i) Menikmati keindahan hutan dapat menenangkan fikiran  
(ii) Menyertai aktiviti menjelajah hutan bersama-sama ahli keluarga  
(iii) Hasil hutan dan ekopelancongan memberikan pendapatan kepada penduduk tempatan
  4. (a) Kesan terhadap alam sekitar
    - Pencemaran udara, bunyi, air dan tanah boleh menjelaskan keseimbangan ekosistem
    - Menyebabkan kesan rumah hijau/ peningkatan suhu
    - Kejadian jerebu, hujan asid dan penipisan lapisan ozon
- (b) Kesan terhadap flora dan fauna
    - Kerosakan habitat flora dan fauna berlaku akibat pembangunan yang tidak terancang
    - Kepupusan flora dan fauna berlaku akibat aktiviti pembalakan dan pemburuan haram
  - (c) Kesan terhadap sumber tenaga
    - Sumber tenaga seperti petroleum, gas asli dan arang batu untuk menjana tenaga akan berkurangan
    - Sumber tenaga ini tidak boleh diperbaharui dalam jangka masa yang singkat setelah habis digunakan
5. (a) • Tidak melakukan pembaziran ketika menggunakan air  
• Membuang sisa buangan sampah dengan terancang  
(b) • Menjalankan aktiviti gotong-royong dan menjaga kebersihan persekitaran  
• Tidak menebang pokok secara berleluasa  
(c) • Menggiatkan kempen kesedaran cara menghargai anugerah alam ciptaan Tuhan  
• Menguatkusakan undang-undang alam sekitar
  6. (a) Sedih kerana semua pokok musnah/ kawasan hutan telah gondol  
(b) (i) Kemasuhan habitat flora dan fauna/ kepupusan flora dan fauna  
(ii) Menyebabkan bencana alam seperti tanah runtuh dan banjir  
(c) (i) Menjalankan kempen kesedaran yang melibatkan masyarakat  
(ii) Menguatkusakan undang-undang berkaitan alam sekitar  
(d) (i) Jabatan Alam Sekitar  
(ii) Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)

### Power KBAT

1. (i) Membekalkan oksigen kepada manusia  
(ii) Membekalkan kayu-kayu kepada manusia  
(iii) Habitat flora dan fauna  
Terima mana-mana jawapan yang munasabah
2. (i) Menyebabkan peningkatan suhu/ bumi akan panas  
(ii) Berlaku hakisan dan tanah runtuh  
(iii) Berlaku banjir  
(iv) Menyebabkan pencemaran alam sekitar  
Terima mana-mana jawapan yang munasabah
3. (i) Badan kerajaan terdiri daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)  
(ii) Badan bukan kerajaan terdiri daripada World Wide Fund (WWF)/ Tabung Alam Sedunia, Sahabat Alam Malaysia dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia  
Terima mana-mana jawapan yang munasabah

# JAWAPAN

Unit  
3

## Kebestarian Diri

### Modul PBD

1. (a) Mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan  
(b) Pintar dan selalu menggunakan akal dalam membuat keputusan  
(c) Kemampuan memikul amanah yang diberikan  
(d) Banyak pengetahuan dan pengalaman  
(e) Kemampuan dan mempunyai daya tahan dalam menghadapi ujian  
(f) Giat bekerja atau berusaha dalam sesuatu tindakan
2. • Dapat membuat keputusan secara rasional  
• Melahirkan insan yang berakhhlak mulia  
• Berdaya maju untuk mencapai cita-cita  
• Mempunyai sifat kental  
• Pengurusan kerja harian menjadi lebih sistematis  
• Mengelakkan penangguhan kerja  
• Menjadi pemimpin yang berwawasan  
• Sentiasa mencari peluang untuk memajukan diri
3. (a) Ilmu pengetahuan  
    (a) Mempunyai kemahiran  
    (b) Boleh memberikan pandangan secara rasional  
    (c) Mempunyai prinsip dalam kehidupan  
  
    Budi pekerti mulia  
    (a) Sentiasa berwaspada  
    (b) Sentiasa bersyukur  
    (c) Menjaga harga diri  
  
(b) Ilmu pengetahuan  
    • Bijak membuat keputusan  
    • Dapat menggunakan masa dengan bijak  
    • Berusaha dengan gigih untuk mencapai kejayaan  
    • Tidak mudah berputus asa  
  
    Budi pekerti mulia  
    • Dapat mengelakkan diri daripada terjebak dalam masalah sosial  
    • Dapat mengawal emosi diri dengan bijak  
    • Menghormati orang yang lebih tua  
    • Dapat menghadapi cabaran hidup dengan cekal
4. Amalan mendisiplinkan diri  
(a) Cekal dalam menghadapi cabaran hidup  
(b) Terus berjuang walaupun menghadapi kegagalan  
(c) Dapat mengawal diri dalam sebarang keadaan

Amalan tidak mendisiplinkan diri

- (a) Cepat berputus asa dalam kehidupan
- (b) Cepat marah dan bertindak mengikut perasaan
- (c) Bersikap sambil lewa dalam setiap tindakan

5. Saya berasa gembira dan berpuas hati apabila mempraktikkan ciri-ciri kebestarian diri. Saya juga berasa sangat bangga apabila dipuji oleh guru atau ibu bapa kerana mengamalkan ciri-ciri kebestarian diri.  
Terima mana-mana jawapan yang munasabah
6. (a) Saya mematuhi segala undang-undang dan peraturan sekolah.  
(b) Saya sentiasa menjaga disiplin diri di mana-mana sahaja.  
(c) Saya membuat keputusan yang rasional untuk menyelesaikan sesuatu masalah.  
(d) Saya sentiasa menyayangi ahli keluarga.  
(e) Saya sentiasa menghormai guru.  
(f) Saya tidak mudah putus asa dan sentiasa berusaha walaupun gagal.  
(g) Saya mengelakkan diri daripada terlibat dalam gejala sosial.  
(h) Saya menyumbang idea semasa perbincangan dalam kumpulan.  
(i) Saya mengamalkan gaya hidup sihat.  
(j) Saya sentiasa bersenam untuk menjaga kesihatan diri.

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

### Power KBAT

1. (i) Pendidikan yang cemerlang dapat menjamin kerja yang baik  
(ii) Pendidikan yang cemerlang membuka peluang kerja yang lebih luas untuk memilih pekerjaan
2. Seseorang yang cemerlang dalam pendidikan akan berpeluang untuk menjawat jawatan yang penting atau tinggi di sesebuah organisasi. Tambahan pula, profesi seperti doktor, peguam, akauntan dan jurutera memerlukan pencapaian pendidikan yang cemerlang.
3. Berdasarkan minat, bakat dan kebolehan serta kerjaya yang menjamin masa depan  
Terima mana-mana jawapan yang munasabah
4. Tindakan: Berhenti kerja/ memohon pekerjaan lain  
Risiko: Menganggur  
Terima mana-mana jawapan yang munasabah

Unit  
4

## Amalan Tradisi Kekeluargaan Khazanah Kita

### Modul PBD

1. (a) Bersalam sambil mencium tangan orang yang lebih tua  
(b) Makan besar bersama-sama anggota keluarga pada malam sebelum Tahun Baharu Cina  
(c) Mengikat dua batang pokok pisang di halaman rumah pengantin lelaki dan perempuan sebagai lambang penerusan warisan  
(d) Mengamalkan makan bersama-sama dengan memastikan semua anggota keluarga berkumpul sebelum makan
  
2. (a) Meneruskan identiti keluarga  
(b) Mewarisi tradisi kekeluargaan dari generasi ke generasi  
(c) Mengeratkan hubungan antara anggota keluarga  
(d) Merapatkan jurang generasi tua dengan generasi muda  
(e) Mewujudkan suasana harmoni dalam keluarga  
(f) Memupuk semangat kekitaan sesama anggota keluarga
  
3. (a) Mengeratkan hubungan silaturahim sesama saudara mala  
(b) Mengeratkan hubungan kekeluargaan  
(c) Memelihara identiti kaum  
(d) Lebih sopan dan mewujudkan amalan hormat-menghormati  
(e) Menyucikan badan dan memberi semangat baharu  
(f) Mengekalkan tradisi dari generasi ke generasi

4. (a) Generasi akan datang akan kehilangan identiti kaum  
(b) Tradisi kekeluargaan yang menjadi alat penyatuan kaum mula dilupakan  
(c) Amalan tradisi kekeluargaan sesuatu kaum semakin pupus  
(d) Hubungan sesama kaum menjadi renggang
  
5. (a) Gembira kerana ahli keluarga dapat berkumpul, makan dan menjalankan aktiviti bersama-sama.  
(b) Saya akan memberikan nasihat dan teguran kepada ahli keluarga saya supaya terlibat secara bersama-sama dalam aktiviti dan tradisi kekeluargaan.  
(c) Tradisi akan pupus dan dilupakan, kehilangan identiti kaum dan hubungan antara sesama ahli keluarga semakin renggang.
  
6. Terima mana-mana jawapan yang munasabah

### Power KBAT

1. Saya tidak akan mengikut fesyen pakaian tersebut kerana akan mencemarkan imej diri, keluarga dan masyarakat Malaysia
  
  2. (i) Memberikan nasihat kepada mereka  
(ii) Mengajar cara berpakaian yang betul/ sopan  
(iii) Mengamalkan tradisi kekeluargaan
  
  3. (i) Hubungan kekeluargaan menjadi renggang  
(ii) Peningkatan masalah sosial  
(iii) Keharmonian negara terjejas
  
  4. (i) Menganjurkan program pakaian tradisional di sekolah  
(ii) Mengadakan pertandingan tarian dan makanan tradisional di sekolah
- Terima mana-mana jawapan yang munasabah

### Modul PBD

1. (a) Penggunaan bahasa yang tidak beradab dalam persahabatan  
(b) Perwatakan dan personaliti yang tidak sama dalam persahabatan  
(c) Kedudukan sosial dan ekonomi yang berbeza  
(d) Amalan yang bertentangan dengan prinsip kejujuran, ketelusan dan kepercayaan dalam persahabatan  
(e) Perbezaan agama, bangsa dan budaya yang berlainan dalam persahabatan  
(f) Halangan akibat perbezaan jantina
2. (a) Menerima budaya dan latar belakang sahabat
  - Mengenali budaya dan adat resam yang diamalkan
  - Menghormati kepercayaan dan amalan agamanya  
(b) Menerima kelebihan dan kekurangan sahabat
  - Memberikan layanan yang sopan
  - Memberikan perhatian ketika berkomunikasi  
(c) Bertoleransi sesama sahabat
  - Bertolak ansur dan sabar semasa menghadapi konflik
  - Bersedia untuk mendengar pandangan sahabat  
(d) Meningkatkan kemahiran berkomunikasi
  - Bertutur dengan penuh ikhlas
  - Mengawal emosi semasa bercakap  
(e) Mewujudkan perasaan bertimbang rasa dan empati
  - Prihatin terhadap perasaan sahabat
  - Menyedari tanggungjawab dan peranan masing-masing  
(f) Membuat perundingan
  - Mengenal pasti punca berlakunya konflik
  - Bersemuka dengan hati yang terbuka

3. (a) Menyelesaikan konflik dengan mencapai kata sepakat  
(b) Menjaga hubungan yang harmoni dalam persahabatan  
(c) Mengeratkan hubungan persahabatan  
(d) Mengelakkan campur tangan orang lain  
(e) Mengelakkan berlakunya tekanan emosi
4. (a) Mengelakkan hubungan menjadi renggang  
(b) Mengelakkan berlakunya perselisihan faham dan percaduhan  
(c) Mengelakkan konflik menjadi semakin berlarutan/teruk  
(d) Hubungan persahabatan dapat dipulihkan
5. (a) Terharu kerana Kartini sangat jujur dan berpegang pada janjinya  
(b) (i) Memahami situasi Kartini  
(ii) Memberi cadangan penyelesaian kepada Kartini tanpa memaksa atau bermasam muka  
(c) Jiran Kartini akan berkecil hati kerana Kartini telah memungkiri janji dan pergi ke pasar raya bersama-sama Adella  
(d) (i) Adella mengajak Kartini pergi ke pasar raya pada hari lain  
(ii) Kartini bersetuju untuk menemani Adella ke pasar raya pada hari lain

### Power KBAT

1. Rakan sangat penting dalam kehidupan remaja kerana remaja banyak menghabiskan masa bersama-sama rakan. Remaja juga lebih selesa berkongsi masalah atau cerita dengan rakan berbanding dengan ibu bapa.
2. Seseorang yang menghadapi konflik dengan sahabat akan menghadapi tekanan perasaan. Hal ini demikian kerana, sahabat yang selalu bersama-sama telah menjauhkan diri. Dia telah kehilangan sahabat yang menjadi teman berbicara dan tempat untuk meluahkan masalah.
3. (a) Dapat mengenali dan mempelajari budaya kaum lain  
(b) Memupuk sikap tolak ansur demi keharmonian hidup

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

# JAWAPAN

Unit  
6

## Hidup Bersatu Padu Menjana Kesejahteraan

### Modul PBD

1. (a) Majlis rumah terbuka  
(b) Program Citrawarna  
(c) Sambutan Hari Kebangsaan  
(d) Program Bulan Bahasa Kebangsaan  
(e) Aktiviti gotong-royong di taman perumahan  
(f) Aktiviti kesukanan
  2. (a) Semua kaum melibatkan diri dalam aktiviti gotong-royong untuk membersihkan kawasan persekitaran  
(b) Menghadiri jemputan rumah terbuka kaum lain  
(c) Menghormati cara beribadat kaum lain  
(d) Menziarahi jiran tetangga yang sakit tanpa mengira kaum  
(e) Penyertaan semua kaum dalam bidang sukan
  3. (a) • Saling bekerjasama, menghormati dan bertoleransi  
• Sekolah pelbagai aliran bahasa ibunda dengan kurikulum yang sama  
(b) • Menarik pelabur asing  
• Mewujudkan peluang pekerjaan  
(c) • Menjadi teladan kepada negara lain  
• Keunikan perpaduan kaum  
(d) • Pelbagai budaya dan tradisi  
• Pelbagai makanan tradisional dan perayaan
  4. (a) • Sensitiviti keagamaan dan kepercayaan  
• Pelampau agama  
(b) • Pemisahan tempat kediaman  
• Kesukaran menguasai Bahasa Melayu  
• Suka bergaul dalam kalangan komuniti sendiri
  - (c) • Kurang memahami budaya  
• Terpengaruh dengan budaya luar  
• Kurang memahami pantang larang kaum lain  
(d) • Ledakan teknologi maklumat  
• Penyebaran maklumat palsu  
• Isu konflik perkauman dihebohkan
  5. (a) Sangat gembira kerana mereka datang ke rumah saya  
(b) (i) Nancy akan berasa sedih  
(ii) Hubungan antara mereka menjadi renggang  
(c) Perbezaan dari segi cara beribadat, kepercayaan, adat resam dan penggunaan bahasa  
(d) (i) Menanamkan semangat cinta akan negara melalui lagu kebangsaan dan bahasa kebangsaan  
(ii) Mengadakan kempen Bulan Kemerdekaan bagi memupuk semangat patriotik
  6. Terima mana-mana jawapan yang munasabah
- Power KBAT**
1. (i) Ekonomi negara dapat berkembang pesat  
(ii) Rakyat dapat menjalankan pelbagai aktiviti dengan selesa  
(iii) Rakyat dapat hidup aman damai  
(iv) Pelabur akan yakin untuk melabur di negara kita
  2. (i) Pergaduhan antara kaum  
(ii) Negara huru-hara  
(iii) Ekonomi tidak stabil  
(iv) Pentadbiran kucar-kacir
  3. (i) Menjayakan kempen Budi Bahasa  
(ii) Menerapkan nilai murni dalam kurikulum dan kokurikulum  
(iii) Menganjurkan aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, rumah terbuka dan hari keluarga
- Terima mana-mana jawapan yang munasabah

# JAWAPAN

Unit  
7

## Kualiti Perkhidmatan Awam Aspirasi Pembangunan Negara

### Modul PBD

1. • Waktu kerja yang anjal  
• Menyediakan borang aduan secara dalam talian  
• Pendaftaran di premis perkhidmatan awam menggunakan sistem biometrik  
• Pengimbas kehadiran penjawat awam  
• Pembelajaran secara telesidang  
• Aduan tentang perkhidmatan bas dan teksi secara dalam talian  
• Pembayaran bil secara dalam talian  
• Pengeluaran pasport melalui pusat transformasi bandar
2. Polis DiRaja Malaysia
  - (a) Mengambil tindakan susulan kepada semua aduan yang diterima secara rasmi dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh penerimaan
  - (b) Bertindak atau berada di tempat kejadian dalam tempoh 15 minit setelah menerima maklumat kejadian
  - (c) Melayan dalam tempoh 15 minit selepas mendapat nombor giliran
  - (d) Perkembangan siasatan kes dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh laporan polis diterima
3. Hospital Swasta
  - (a) Setiap pelanggan boleh mendapat perkhidmatan yang sewajarnya daripada hospital tanpa mengira umur, jantina, keturunan, agama atau taraf sosioekonomi
  - (b) Setiap pelanggan akan dilayan dengan baik, mesra, bertimbang rasa, hormat, bersopan santun, jujur dan ikhlas
  - (c) Setiap pelanggan yang ditakrifkan sebagai dalam keadaan kecemasan akan diberi perkhidmatan dengan segera
  - (d) Setiap pelanggan akan diberi perkhidmatan sebaik mungkin secara profesional
3. (a) Sistem dalam talian
  - Khidmat Pesanan Ringkas (SMS)
  - E-mel
  - Media sosial

- (b) Bersemuka
  - Agensi berkenaan
  - Kaunter bergerak
  - Hari bertemu pelanggan
- (c) Biro pengaduan awam
  - Peti cadangan
  - Surat
  - Telefon
4. • Masyarakat tidak berpuas hati dan hilang keyakinan  
• Menyebabkan pembaziran masa dan kos  
• Menjejasakan pembangunan negara  
• Pelabur hilang kepercayaan dan keyakinan terhadap negara  
• Kemerosotan ekonomi negara  
• Menjejasakan imej negara
5. (a) Segera mendapatkan bantuan dan menelefon pihak bomba untuk melaporkan tentang kebakaran hutan yang berlaku
- (b) (i) Kebakaran akan menjadi lebih teruk  
(ii) Boleh mengancam kawasan sekitar dan mengakibatkan kehilangan nyawa serta harta benda
- (c) Masyarakat akan hilang kepercayaan dan memandang rendah terhadap agensi-agensi perkhidmatan awam
- (d) (i) Menyediakan borang aduan di semua pejabat perkhidmatan awam  
(ii) Menyediakan kaunter khas untuk membuat aduan jika terdapat perkara yang melanggar etika

### Power KBAT

1. (a) Kain, baju, buku dan makanan kering  
Terima mana-mana jawapan yang munasabah
2. Membuat aduan kepada pihak pejabat pos atas kehilangan barang tersebut
3. (i) Menambahkan kakitangan di pejabat pos  
(ii) Menyediakan jadual untuk pekerja rehat  
Terima mana-mana jawapan yang munasabah

# JAWAPAN

Unit  
8

## Bumi Hijau Bumi Kita

### Modul PBD

#### 1. Recycle (Kitar semula)

Mengitar semula barang yang telah digunakan untuk dijadikan barang lain seperti surat khabar dikitar semula menjadi kertas tisu

#### Reuse (Guna semula)

Menggunakan semula sesuatu barang yang sukar dilupuskan seperti beg plastik

#### Reduce (Kurangkan)

Mengurangkan penggunaan barang yang tidak boleh dilupuskan seperti plastik dan polistirena

#### Rethink (Fikir semula)

Berfikir dahulu sebelum menggunakan dan membuang sesuatu barang

#### Repair (Baiki)

Mebaiki barang yang rosak untuk mengelakkan pembelian barang baharu seperti televisyen, radio dan peti sejuk

#### 2. (a) pencemaran; sisa pepejal

(b) bahan mentah; kayu balak

(c) tenaga; memelihara

(d) habitat; hutan

(e) pelupusan; tercemar

(f) belanjawan; produk

(g) mengurangkan; dipelihara

#### 3. (a) • Bahan buangan dan barang terpakai yang direka cipta semula boleh dijadikan sebagai cenderamata

• Memproses sisa buangan sebagai satu sumber ekonomi

(b) • Program *Green School* atau *Zero Waste Campus* di sekolah atau di institusi pengajian tinggi

• Pertandingan penarafan bandar terbersih, *Clean City Award*

(c) • Hebah kesan positif tentang keperluan mengekalkan bumi hijau yang merupakan satu aset negara yang berharga

• Program realiti televisyen tentang amalan bumi hijau

#### 4. • Menjamin kesihatan rakyat

• Mengurangkan kesan rumah hijau

• Membersihkan dan menceriakan persekitaran

• Memelihara flora dan fauna

• Mengawal keseimbangan ekosistem

• Meningkatkan imej negara

5. (a) • Dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar
- Mengurangkan pembuangan sampah sarap untuk dilupuskan di tapak pelupusan sampah
  - Mencantikkan kawasan persekitaran
  - Mengurangkan penggunaan sumber semula jadi
- (b) Saya berasa bangga dan gembira kerana dapat menjaga kebersihan, kesuburan dan keindahan alam sekitar di negara kita yang tercinta ini. Oleh kerana amalan 5R dapat memelihara dan melindungi alam sekitar, saya berasa gembira kerana dapat memberi inspirasi kepada murid lain untuk memainkan peranan mereka dalam perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar.
- (c) Kurangkan penggunaan beg plastik, gunakan tuala bagi menggantikan kertas tisu, gunakan beg yang boleh diguna semula apabila membeli barang di kedai, pakaian lama dijadikan kain buruk, membawa bekas makanan sendiri untuk membeli makanan.
- (d) • Pencemaran alam sekitar
- Kawasan pembuangan sampah sarap semakin bertambah
  - Kepupusan flora dan fauna, menjadikan keseimbangan ekosistem
  - Peningkatan kos penyelenggaraan sampah
- Terima mana-mana jawapan yang munasabah

### Power KBAT

#### 1. Kaca, plastik, besi, aluminium dan kertas

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

#### 2. Mengurangkan pencemaran alam sekitar kerana bahan buangan seperti kertas, kaca dan plastik akan dihantar ke kilang kitar semula. Selain itu, amalan kitar semula juga dapat mengurangkan kesan rumah hijau akibat penggunaan lebih banyak tenaga bagi mneghasilkan barang baharu daripada bahan mentah berbanding barang baharu daripada barang terbuang.

#### 3. Sampah dicampur dengan tanah digunakan untuk menimbus kawasan tapak lombong serta kawasan paya untuk dijadikan kawasan perumahan.

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

# JAWAPAN

Unit  
9

## Tanggungjawab Sosial Tanggungjawab Bersama

### Modul PBD

1. (a) Melibatkan diri dalam aktiviti komuniti seperti gotong-royong  
(b) Menyertai program kesihatan seperti kempen derma darah dan organ  
(c) Mempraktikkan amalan kitar semula untuk memelihara dan memulihara flora dan fauna seperti mengitar semula kertas untuk mengurangkan penebangan pokok  
(d) Membantu golongan yang mengalami musibah seperti mengadakan kutipan derma kilat
2. (a) Mengukuhkan hubungan antara anggota masyarakat  
(b) Melahirkan masyarakat yang bersatu padu  
(c) Memupuk perasaan cinta akan negara  
(d) Membantu meringankan beban golongan yang kurang berasib baik  
(e) Memastikan keselamatan penduduk setempat  
(f) Memastikan tahap kesihatan anggota masyarakat dalam keadaan baik  
(g) Melindungi kelestarian alam
3. (a) Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan  
(b) Menjayaikan aktiviti kesukarelawanan  
(c) Memberikan sumbangan masa dan tenaga  
(d) Menyumbangkan kepakaran diri kepada masyarakat setempat  
(e) Memberikan sumbangan kewangan  
(f) Menyokong usaha pelbagai pihak
4. (a) Pemberian markah merit kepada generasi muda, khususnya murid yang menyertai aktiviti anjuran badan bukan kerajaan (NGO)  
(b) Pelantikan generasi muda yang berkebolehan dalam aktiviti kemasyarakatan sebagai duta khidmat sosial  
(c) Penglibatan tokoh terkenal untuk menarik minat generasi muda  
(d) Pengiktirafan kepada generasi muda yang aktif dalam aktiviti kemasyarakatan  
(e) Penganugerahan ikon khidmat sosial kepada generasi muda yang banyak memberikan sumbangan kepada masyarakat  
(f) Penglibatan aktif dalam aktiviti khidmat sosial membolehkan murid dipertimbangkan untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi
5. (a) Sangat gembira kerana dapat memberi sumbangan untuk menyelamatkan nyawa manusia.

- (b) Darah tersebut akan digunakan oleh pihak hospital kepada mereka yang tercedera akibat kemalangan dan pembedahan.  
(c) Berfungsi menyalurkan oksigen ke otak dan seluruh anggota badan.  
(d) Melaksanakan aktiviti atau program gotong-royong menjaga sungai agar tidak tercemar dan menderma kewangan kepada rumah kebajikan.

### 6. Pusat jagaan orang kurang upaya

- Memberikan sumbangan berbentuk kewangan
- Memberikan sumbangan berbentuk barang keperluan seperti makanan, pakaian dan perabot
- Menjalankan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan kawasan tersebut
- Menziarahi mereka untuk memberikan dorongan dan galakan

### Mangsa banjir

- Memberikan sumbangan berbentuk barang keperluan seperti makanan, pakaian dan ubat-ubatan
- Membantu mereka membersihkan rumah dan kawasan persekitaran setelah banjir surut
- Memberikan sumbangan berbentuk kewangan

### Rukun Tetangga

- Menyertai aktiviti mengawal keselamatan kawasan perumahan
- Menyertai aktiviti rondaan pada waktu malam untuk mengurangkan kegiatan jenayah di kawasan kejiranian
- Menyertai aktiviti berbentuk kemasyarakatan, kebajikan dan pendidikan yang dianjurkan di kawasan kediaman

### Power KBAT

1. Gembira kerana golongan kurang upaya juga diberikan keutamaan dan keistimewaan.
2. (i) Meringankan beban yang ditanggung oleh golongan kurang upaya  
(ii) Memberikan peluang yang sama rata dengan individu normal  
(iii) Mengelakkan golongan kurang upaya berada terpinggir dalam kalangan masyarakat
3. Orang kurang upaya turut memberikan sumbangan kepada negara. Mereka terlibat dalam bidang ekonomi dan menyumbangkan jasa dalam pembangunan negara. Di samping itu, mereka turut menaikkan nama negara dalam bidang sukan paralimpik.

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

# JAWAPAN

**Unit  
10**

## Hidup Beradab Cerminan Diri

### Modul PBD

#### 1. Majlis rasmi

- (a) Mematuhi etika pakaian yang ditetapkan
- (b) Bercakap apabila perlu sahaja
- (c) Berpakaian sopan
- (d) Menepati masa yang ditetapkan

#### Majlis tidak rasmi

- (a) Berpakaian mengikut kesesuaian majlis
- (b) Bebas bercakap dengan sesiapa sahaja
- (c) Mengambil makanan dengan sopan
- (d) Boleh menggunakan tangan atau cara lain yang sesuai untuk makan

2. (a) sopan  
(b) Masa  
(c) mengendalikan  
(d) mengganggu; menghormati  
(e) menyambut; senyuman  
(f) pakaian  
(g) duduk  
(h) diselesaikan  
(i) Tetamu  
(j) diam

3. • Atur cara majlis tidak berjalan lancar  
• Tumpuan tetamu lain akan terganggu  
• Suasana majlis kurang menyenangkan  
• Tetamu berasa kurang selesa  
• Penganjur berasa malu

4.	Kesan beradab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi	Kesan tidak beradab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi
(a)	Majlis berlancar dengan lancar	Majlis tidak berjalan dengan lancar
(b)	Berjalan mengikut jadual yang ditetapkan	Terganggu dan tidak mengikut atur cara
(c)	Masa dipatuhi mengikut atur cara majlis	Masa tidak dipatuhi, masa tertangguh sehingga menyebabkan kelewatan
(d)	Masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan sempurna	Suasana majlis kurang menyenangkan
(e)	Sopan dan berdisiplin	Tumpuan terganggu, huru-hara
(f)	Baik dan terpelihara	Mendapat nama buruk dan berasa malu
(g)	Gembira	Tidak puas hati, kecewa

5. (a) (i) Memakai pakaian yang sopan  
(ii) Tidak berbuat bising  
(iii) Menghormati tetamu yang hadir ke majlis
- (b) (i) Tetamu lain akan menghormati kita  
(ii) Majlis dapat berjalan dengan lancar
- (c) (i) Mengganggu upacara perkahwinan  
(ii) Memakai pakaian upacara kematian  
(iii) Mengkritik makanan yang dihidang
- (d) Malu dan marah kerana sikap tersebut akan mengganggu majlis

### Power KBAT

1. Memakai pakaian yang sopan atau sesuai/ tidak memakai pakaian yang menjatuhkan imej diri.

2. Memberikan nasihat kepadanya agar tidak mengganggu majlis tersebut dan melaporkannya kepada tuan rumah.
3. Ibu bapa mengajar anak-anak tentang adab semasa berada dalam majlis dan menunjukkan teladan yang baik kepada anak-anak ketika menghadiri sesuatu majlis. Ibu bapa juga haruslah menasihati dan menegur anak-anak yang tidak beradab.
4. (a) Pakaian kebangsaan atau pakaian tradisional yang sopan / lounge suit  
(b) Seluar panjang / skirt / blaus atau gaun kasual, kemeja lengan pendek, baju batik  
(c) Kemeja lengan panjang, kemeja batik, seluar panjang, seluar panjang dengan blaus yang sesuai

# JAWAPAN

Unit  
11

## Hindari Jenayah Kanak-kanak

### Modul PBD

1. (a) X  
(b) ✓  
(c) X  
(d) ✓  
(e) ✓  
(f) ✓  
(g) X  
(h) ✓  
(i) X  
(j) ✓  
(k) ✓  
(l) X  
(m) ✓  
(n) ✓  
(o) X
2. (a) • Perasaan ingin mencuba  
• Kurangnya amalan ajaran agama dan nilai murni  
• Kurang matang  
(b) • Pengabaian oleh ibu bapa  
• Ibu bapa tidak menjadi suri teladan yang baik  
• Ibu bapa sibuk bekerja  
(c) • Pengaruh negatif daripada rakan sebaya  
• Menghabiskan masa yang lama dengan rakan yang terlibat dengan jenayah  
• Disisih oleh rakan  
(d) • Pemaparan adegan ganas dan perlakuan negatif  
• Pengaruh rangkaian media sosial yang tidak terkawal  
• Media massa lebih mengutamakan keuntungan  
(e) • Kewujudan pusat hiburan dan kafe siber  
• Komuniti yang tidak prihatin dan bersikap individualistik  
• Ikatan kejiranan yang longgar
3. (a) • Imej diri tercemar  
• Berisiko melakukan kesalahan lain  
• Dibuang sekolah  
• Masa depan terjejas  
(b) • Imej keluarga tercemar  
• Keluarga mendapat malu  
• Dipandang serong oleh masyarakat  
• Keluarga mengalami tekanan perasaan  
(c) • Merugikan harta benda awam  
• Menjejaskan hubungan silaturahim  
• Mengancam keselamatan komuniti  
• Menggugat keharmonian dan kesejahteraan rakyat

- (d) • Rasa trauma dan fobia  
• Kurang keyakinan diri  
• Tertekan  
• Boleh mencederakan diri sendiri
4. (a) • Kesedaran diri sendiri bahawa jenayah boleh merosakkan masa hadapan  
• Memilih kawan yang boleh memimpin ke arah kebaikan  
(b) • Memberikan pendidikan agama dan amalan nilai murni  
• Memantau pergaulan anak-anak  
(c) • Mengambil tahu dan saling membantu  
• Memberikan teguran dan nasihat  
(d) • Menyediakan persekitaran yang kondusif  
• Memantau disiplin murid  
(e) • Lawatan ke sekolah  
• Memperkenalkan pendidikan pencegahan jenayah
5. (a) Sedih kerana mereka tidak sayang akan diri dan masa depan mereka.  
(b) (i) Terpengaruh dengan rakan sebaya  
(ii) Mencari keseronokan  
(c) (i) Masa depan menjadi gelap/ terjejas  
(ii) Dipandang rendah/ dipulaukan oleh masyarakat  
(iii) Sulit untuk mendapatkan pekerjaan  
(d) (i) Ibu bapa perlu memantau aktiviti anak-anak  
(ii) Ibu bapa perlu mengenali rakan-rakan anak-anak  
(iii) Ibu bapa perlu memberikan didikan agama dan moral kepada anak-anak

### Power KBAT

1. Kesibukan ibu bapa bekerja menyebabkan anak-anak terabai dan tidak mendapat didikan agama yang secukupnya. Hal ini menyebabkan mereka mudah terpengaruh oleh perkara negatif dan bebas melakukan apa-apa sahaja kerana tiada pemantauan daripada ibu bapa. Selain itu, ada juga remaja terlibat dalam jenayah seperti penyalahgunaan dadah dan gengsterisme kerana ingin mencari keseronokan dan terpengaruh oleh rakan sebaya.
2. Tidak wajar kerana terdapat Undang-undang Akta Perlindungan Kanak-kanak Pindaan 2009.
3. Pihak sekolah perlu mengadakan ceramah berkaitan dengan masalah sosial atau jenayah juvana kepada murid-murid. Selain itu, pihak kerajaan atau bukan kerajaan perlu mengadakan kempen secara berterusan untuk membendung jenayah juvana. Di samping itu, kesedaran tentang jenayah juvana juga perlu disebarluaskan melalui media massa.

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

# JAWAPAN


Unit  
12

## Kebebasan Bersuara Menjamin Kemakmuran Negara

### Modul PBD

1. (a) Kebebasan bersuara ialah kebebasan berucap dan mengeluarkan pendapat dengan batasan tertentu.
- (b) (i) Tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara  
 (ii) Semua warganegara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata  
 (iii) Semua warganegara berhak untuk membentuk persatuan
2. (a) Mengelakkan berlakunya fitnah kepada sesuatu pihak  
 (b) Memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum  
 (c) Mengekalkan keamanan dan keharmonian negara  
 (d) Memelihara keselamatan dan ketenteraman awam  
 (e) Mengelakkan perselisihan dan pergaduhan antara kaum  
 (f) Meningkatkan kemakmuran dan kemajuan negara  
 (g) Mengelakkan prasangka dan provokasi
3. • Peti aduan atau cadangan  
 • Perbincangan secara berhemah  
 • Mesyuarat dalam kumpulan  
 • Menulis surat kepada pihak yang berkenaan  
 • Menghubungi Biro Pengaduan Awam melalui laman sesawang

4.



5. (a) Gembira kerana dapat meluahkan perkara yang dirasakan tidak benar mengikut saluran yang betul.
- (b) (i) Memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum  
 (ii) Mengelakkan perselisihan faham dan pergaduhan
- (c) (i) Mengadakan kempen kesedaran dan mengedarkan risalah tentang cara menyuarakan pendapat dengan betul  
 (ii) Menguatkuasakan undang-undang Akta Hasutan untuk mengawal fitnah
- (d) (i) Mengisi borang aduan  
 (ii) Menulis surat

### Power KBAT

1. (i) Tidak ada pengetahuan tentang kebebasan bersuara  
 (ii) Bertindak tidak mengikut undang-undang  
 (iii) Menyebarluaskan maklumat yang tidak benar atau yang boleh menggugat keamanan negara
  2. Kebebasan bersuara amat penting untuk mewujudkan situasi yang adil kepada semua kaum di samping masyarakat dapat menyuarakan perasaan tidak puas hati terhadap pentadbiran negara. Hal ini akan menjamin keharmonian dan keamanan negara.
  3. (i) Mengadakan kempen kesedaran  
 (ii) Melalui pendidikan kepenggunaan  
 (iii) Melalui media massa
- Terima mana-mana jawapan yang munasabah

# JAWAPAN

Unit  
13

## Amalan Tradisi Masyarakat Majmuk

### Modul PBD

1. (a) Saling membantu dan bekerjasama dalam melakukan sesuatu aktiviti  
(b) Pulang ke kampung pada musim perayaan atau cuti sekolah  
(c) Menziarahi rakan, jiran tetangga dan saudara-mara  
(d) Bertukar-tukar makanan dengan jiran tetangga  
(e) Menjemput semua kaum ke majlis rumah terbuka  
(f) Memberikan angpau atau duit raya untuk menggembirakan hati kanak-kanak
2. (a) Menjadi lambang identiti masyarakat Malaysia yang berbilang kaum  
(b) Mengukuhkan perpaduan kaum  
(c) Mengelakkan berlakunya konflik antara kaum  
(d) Menyumbang kepada keamanan negara  
(e) Mengenali dan memahami budaya pelbagai kaum
3. (a) Bertegur sapa dengan jiran dan membantu jiran yang memerlukan bantuan  
(b) Menghormati orang tua dan tidak mencelahi apabila mereka berbicara  
(c) Mendengar nasihat guru dan membantu guru mengangkat barang  
(d) Menunjukkan budi pekerti yang mulia dan mengamalkan sikap toleransi  
(e) Mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan
4. (a) Tiada sikap bekerjasama antara satu sama lain  
(b) Sikap hormat-menghormati semakin berkurangan  
(c) Perpaduan, keamanan dan keharmonian negara terjejas  
(d) Identiti dan khazanah negara bangsa akan pupus  
(e) Amalan hidup bersatu padu antara satu sama lain terhakis  
(f) Timbul rasa tidak berpuas hati dan mula mengasingkan diri dari masyarakat

5. (a) Gembira kerana dapat mengekalkan tradisi masyarakat majmuk.  
(b) (i) Mengukuhkan perpaduan kaum  
(ii) Mengelakkan berlakunya konflik antara kaum  
(c) (i) Mengajar dan menggalakkan anak-anak mengamalkan tradisi ini  
(ii) Menunjukkan teladan dengan mengamalkan tradisi ini agar menjadi ikutan anak-anak
- (d) (i) Bertukar-tukar makanan dengan jiran  
(ii) Membantu jiran yang memerlukan pertolongan  
(iii) Menziarahi jiran tetangga/ jiran yang sakit  
(iv) Menghadiri undangan rumah terbuka oleh jiran  
(e) (i) Sikap bekerjasama dan hormat-menghormati semakin terhakis  
(ii) Amalan hidup bersatu padu semakin terjejas
6. (a) Membantu jiran yang berpindah memungggah barang  
(b) Menghadiri undangan rumah terbuka  
(c) Menziarahi jiran yang sakit dan bertanyakan kesihatan jiran  
(d) Bertegur sapa dengan jiran tetangga dan bertanya khabar jiran

### Power KBAT

1. Setuju. Tradisi dalam masyarakat majmuk perlu dikekalkan oleh setiap kaum kerana merupakan lambang identiti masyarakat majmuk dan khazanah negara. Pengamalan tradisi ini juga dapat mengukuhkan perpaduan kaum dan menyumbang kepada keamanan dalam negara.
2. Tradisi dalam masyarakat majmuk seperti amalan ziarah-menziarahi, bertegur sapa, bekerjasama, dan hormat-menghormati akan mengeratkan hubungan antara angota masyarakat. Masyarakat dapat mengenali budaya pelbagai kaum sekali gus dapat menghindari konflik budaya. Hal ini dapat mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Terima mana-mana jawapan yang munasabah


# JAWAPAN

Unit  
14

## Kemanusiaan Asas Kemoralan

### Modul PBD

1.



2. • Masyarakat berasa selamat dan dapat melakukan aktiviti tanpa rasa takut
  - Kanak-kanak mendapat perlindungan dan pendidikan
  - Warisan bangsa dan khazanah negara dapat dikenalkan
  - Aktiviti pembangunan negara dapat dilaksanakan
  - Flora dan fauna terpelihara
  - Hubungan diplomatik dengan negara lain dapat diteruskan
3. (a) Merogol kanak-kanak dan wanita
  - (b) Membunuh orang awam
  - (c) Menyerang kakitangan perubatan
  - (d) Merampas harta benda orang awam
  - (e) Menyerang bangunan awam
4. • Kecacatan anggota
  - Alam sekitar musnah
  - Ekonomi negara terjejas
  - Institusi kekeluargaan terjejas
  - Konflik berterusan

5. (a) Gembira kerana dapat menyelamatkan nyawa mereka yang tidak bersalah.
  - (b) (i) Menjaga keharmonian dan kedaulatan sebuah negara
  - (ii) Masyarakat berasa selamat dan dapat melakukan aktiviti tanpa rasa takut
- (c) (i) Menyerang bangunan awam seperti rumah ibadat, hospital dan sekolah
- (ii) Membunuh orang awam, tentera yang cedera dan tawanan perang
- (d) (i) Berlaku kematian dalam jumlah yang tinggi
  - (ii) Menyebabkan kecacatan anggota
  - (iii) Keruntuhan institusi kekeluargaan
- (e) (i) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
  - (ii) ASEAN atau Komanwel
6. (a) (i) Mengumpulkan derma untuk dihantar kepada mereka
  - (ii) Menghantar bantuan makanan, ubat-ubatan dan pakaian
- (b) (i) Membuat laporan kepada pihak berkuasa
  - (ii) Membuat bantahan rasmi kepada pihak yang berkenaan
- (c) (i) Senjata nuklear/ senjata kimia
  - (ii) Bom fosforus

### Power KBAT

1. Kanak-kanak, tentera yang cedera, doktor dan pasukan perubatan, orang awam, wanita dan orang tua.
2. (i) Penyakit berjangkit
  - (ii) Pembinaan rumah setinggan
  - (iii) Pertambahan penduduk yang mendadak
  - (iv) Kemasukan budaya baharu
3. (i) PBB boleh menggunakan kuasa veto untuk menghentikan perang tersebut
  - (ii) PBB boleh menggunakan kuasa untuk genjatan senjata agar semua tentera menghentikan perang
4. (i) Tidak boleh diambil nyawa secara paksa, kecuali melalui undang-undang
  - (ii) Tiada boleh merampas atau menghalau seseorang yang duduk di atas tanah mereka kecuali melalui undang-undang

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

# JAWAPAN

## Pentaksiran Akhir Tahun

1. (a) Meningkatkan  
(b) Memupuk  
(c) Melahirkan  
(d) Menjamin  
(e) Memelihara
2. (a) X (f) ✓  
(b) X (g) X  
(c) ✓ (h) ✓  
(d) ✓ (i) ✓  
(e) X (j) X
3. (a) Aktif  
(b) Berdisiplin  
(c) Matang  
(d) Bijak  
(e) Bertanggungjawab
4. (a) Rasional  
(b) Kepercayaan kepada Tuhan  
(c) Bertanggungjawab  
(d) Kasih sayang  
(e) Baik hati
5. (a) Konflik integriti  
(b) Konflik bahasa  
(c) Konflik status  
(d) Konflik gander  
(e) Konflik personaliti
6. (a) Rukun Negara  
(b) kemasyarakatan  
(c) sensitiviti  
(d) budaya  
(e) Menghormati
7. (a) Membazikan masa dan kos  
(b) Menjejaskan imej negara  
(c) Pelanggan hilang keyakinan  
(d) Pelabur hilang kepercayaan  
(e) Menjejaskan pembangunan negara
8. (a) Baiki  
(b) Guna semula  
(c) Kurangkan  
(d) Kitar semula  
(e) Fikir semula
9. (a) ✓  
(d) ✓  
(f) ✓  
(g) ✓  
(h) ✓
10. (a) Mengelakkan perselisihan faham antara kaum  
(b) Merapatkan perpaduan antara kaum  
(c) Menghindari perbuatan fitnah  
(d) Memelihara ketenteraman awam
- (e) Mengelakkan perselisihan faham antara kaum  
(f) Mengelakkan prasangka dan provokasi
11. (b) ✓ (g) ✓  
(d) ✓ (h) ✓  
(f) ✓ (j) ✓
12. (a) India  
(b) Melayu  
(c) Cina  
(d) Bidayuh  
(e) Melayu  
(f) India  
(g) Bidayuh  
(f) Cina
13. (a) Vandalsme  
(b) (i) Pengaruh rakan sebaya  
(ii) Berfikiran singkat dan kurang matang  
(iii) Pengabaian ibu bapa  
(c) (i) Harga diri  
(ii) Rasional  
(d) (i) Memberikan pendidikan agama dan amalan nilai murni  
(ii) Memberikan kaunseling kepada murid-murid yang terlibat dengan vandalism  
(iii) Melaporkan kes vandalism kepada pihak berkuasa  
(iv) Menguatkuasakan undang-undang dengan tegas
14. (a) Konflik akan berlaku serta hubungan antara Jason dan Ahmad akan menjadi renggang  
(b) (i) Prihatin tentang perasaan orang lain  
(ii) Bersemuka dengan hati yang terbuka sekiranya terdapat sebarang ketidakpuasan hati  
(iii) Saling memahami dan membantu antara satu sama lain  
(iv) Menghormati sahabat  
(c) (i) Mencapai kata sepakat supaya konflik dapat diselesaikan  
(ii) Mengelakkan berlakunya tekanan perasaan  
(iii) Mengeratkan hubungan persahabatan  
(iv) Menghindari campur tangan orang lain
15. (a) (i) Melibatkan diri dalam aktiviti komuniti seperti gotong-royong  
(ii) Memelihara dan memulihara flora dan fauna  
(b) (i) Membantu mengurangkan masalah kekurangan darah  
(ii) Dapat membuat pemeriksaan tahap kesihatan dari semasa ke semasa  
(c) (i) Mengukuhkan hubungan antara anggota masyarakat  
(ii) Melahirkan masyarakat yang bersatu padu  
(iii) Membantu meringankan beban golongan yang kurang bernasib baik  
(iv) Memastikan keselamatan penduduk setempat terjamin  
(d) (i) Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan  
(ii) Memberikan sumbangan